

AMALAN ETIKA DALAM KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA

Nurul Hasyimah Mat Rani, Wan Marzuki Wan Jaafar
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Perkhidmatan kaunseling perlu selaras dengan etika yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Setiap kaunselor perlu menanamkan rasa tanggungjawab dalam perkhidmatan kaunseling yang diberikan dan memastikan mereka melaksanakan amalan etika dalam perkhidmatan tidak kira di institusi awam atau swasta. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang kajian dalam amalan etika, isu dan aduan etika, amalan etika dan tatalaku kaunselor dalam perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Maklumat dalam kertas kerja ini dapat digunakan oleh bakal kaunselor serta kaunselor yang sedang menjalankan perkhidmatan di Malaysia sebagai panduan dalam amalan etika mereka sepanjang melaksanakan perkhidmatan kaunseling di Malaysia.

Pengenalan

Kajian-kajian amalan etika dan isu etika banyak dijalankan kepada ahli psikologi dan kaunselor di seluruh dunia (Zhao, Ji, Yang, Yang, Hou & Zhang, 2011; Clemente, Espinazo, & Urra, 2011; Leung, Leung & Chan, 2003; Gibson & Pope, 1993; Pope, Tabachnick & Keith-Spiegel, 1987) Contoh kes sering dijadikan sebagai panduan kes di barat adalah kes *Tarasoff v. Regents of the University of California* pada tahun 1976. Kes ini masih dibincangkan sebagai contoh kes terutamanya dalam pengajaran kaunseling kerana amat bermanfaat dan dijadikan pengajaran kepada kaunselor dalam amalan perkhidmatan mereka. Kes ini memberi pengajaran kepada kaunselor dan juga ahli psikologi berkenaan “tugas untuk melindungi” dalam amalan etika kaunselor dalam perkhidmatan mereka.

Amalan etika kaunselor di Malaysia belum dikuatkuasakan sepenuhnya dan kebanyakan kaunselor menjalankan perkhidmatan kaunseling berdasarkan pemahaman mereka sendiri berdasarkan pengalaman, perkongsian antara rakan sejawat, kod etika, pengetahuan sedia ada dan sebagainya.

Terdapat penalti atau tindakan yang dinyatakan dalam Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) tetapi tindakan tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Ini kerana Lembaga Kaunselor Malaysia sukar untuk memantau amalan etika kaunselor di Malaysia kerana tidak semua kaunselor di Malaysia berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Sehingga pertengahan tahun 2013, hampir 4000 kaunselor didaftarkan sebagai Kaunselor Berdaftar (KB) di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (Komunikasi Personal, Mac, 2013).

Isu Etika dan Aduan dalam Perkhidmatan Kaunseling

Pope, Tabachnick dan Keith-Spiegel (1987) dan Gibson dan Pope (1993) telah membincangkan topik berkaitan amalan etika ahli psikologi di barat iaitu berkaitan (i) tidak mencederakan; (ii) amalan hanya dengan kecekapan; (iii) tidak eksploitasi; (iv) melayan individu dengan hormat; (v) melindungi kerahsiaan; (vi) bertindak hanya dengan persetujuan termaklum; dan (vii) menggalakkan ekuiti (persamaan) dan keadilan. Zhao, Ji, Yang, Yang, Hou dan Zhang (2011) pula meneruskan kajian Pope, et. al (1987) di China dengan membincangkan beberapa topik (i) kecekapan; (ii) suasana terapeutik; (iii) persetujuan termaklum dan kerahsiaan; (iv) hubungan dua hala. Kajian Leung, et. al. (2003) pula membincangkan amalan etika kaunseling berkaitan kecekapan, hubungan dengan klien dan hubungan professional. Amalan etika dalam perkhidmatan sangat penting diketahui oleh kaunselor kerana dapat memberi panduan kepada kaunselor dalam perkhidmatan mereka.

Kajian Neukrug, Milliken dan Walden (2001) menunjukkan kebanyakan aduan etika adalah berkaitan hubungan dua hala-bukan seksual seperti menjalankan sesi kaunseling kepada pelajar dan kenalan, ketidakcekapan dalam mengendalikan hubungan kaunseling, menjalankan sesi kaunseling tanpa lesen atau sijil, hubungan seksual dengan klien, bil dan tafsiran yuran, persetujuan termaklum dan sebagainya.



Di Malaysia masih kurang kajian berkaitan amalan etika kaunselor di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lain ada menyentuh berkaitan amalan kaunselor dalam bidang tertentu. Contohnya kajian Zuraimy Ahmad, Mohd. Najib Sapari dan Mohamed Sharif Mustaffa (2008) yang mengutarakan isu yang timbul dalam kaunseling keluarga yang berkaitan amalan kerahsiaan yang sukar dipraktikkan oleh kaunselor di sekolah. Kaunselor perlu sentiasa berhati-hati dalam menjalankan amalan kaunseling khususnya apabila melibatkan keluarga dan pelajar bawah umur. Amalan etika yang betul dan berkesan dapat membantu kaunselor berkhidmat dan mengamalkan etika tidak kira di institusi sekolah, pengajian tinggi, kesihatan dan sebagainya

Amalan Etika dan Tatalaku Kaunselor dalam Perkhidmatan Kaunseling

Kajian-kajian yang dibincangkan menunjukkan amalan etika perlu diberi perhatian penting kerana sebagai kaunselor, secara sedar atau tidak, mereka sering terdedah kepada salah laku etika, Kaunselor juga sering terdedah kepada dilema atau konflik etika yang menyebabkan mereka perlu membuat pertimbangan dalam membuat keputusan etika. Kaunselor tidak boleh lari daripada tanggungjawab etika kerana sebagai ahli profesional yang bekerja dalam profesion menolong, mereka perlu sentiasa memberi komitmen sepenuhnya dalam perkhidmatan khususnya berkaitan etika. Membuat keputusan etika yang betul dan berkesan dapat mengelak daripada memudaratkan klien, membantu menjaga kebajikan klien serta melindungi profesion kaunseling dalam masyarakat.

Lembaga Kaunselor Malaysia telah memperuntukkan Peraturan-peraturan Kaunselor (Kelakuan dan Tata tertib) 1999 bagi memudahkan kaunselor melaksanakan tanggungjawab sebagai kaunselor dalam perkhidmatan kaunseling. Menurut Akta Kaunselor 1998, tatalaku kaunselor diringkaskan seperti berikut iaitu (i) kaunselor berdaftar perlu patuh kepada Akta Kaunselor 1998 dan melaksanakan tugas sewajarnya (ii) menjaga, mempertahankan dan mengekalkan maruah dan reptasi kaunselor dan (iii) tanggungjawab kepada organisasi dan institusi.

Bagi menjaga, mengekal dan mempertahankan maruah dan reputasi kaunselor berdaftar, terdapat beberapa panduan perlu diikuti iaitu (a) kaunselor perlu sentiasa mengutamakan kepentingan klien berbanding keperluan kaunselor serta tidak mempergunakan klien bagi kepentingan kaunselor; (b) menghormati hak peribadi klien dan menyimpan kerahsiaan berdasarkan limitasi yang ada; (c) menjaga kesejahteraan klien, memaklumkan klien tanggungjawab klien terhadap tingkah lakunya dan pembentukan dirinya dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat; (d) memaklumkan kepada klien proses, keperluan dan implikasi perkhidmatan kaunseling yang diberikan; (e) merujuk klien kepada pakar jika kepakaran di luar bidang kepakaran kaunselor.

Kaunselor juga bertanggungjawab kepada organisasi dan institusi mereka menjalankan perkhidmatan dengan (i) memberi penjelasan kepada institusi mengenai kepakaran dan kecekapan mereka; (ii) menjalin hubungan antara perseorangan dan persetujuan dengan penyelia dan kakitangannya berhubung beberapa aspek seperti kerahsiaan, beban kerja, tanggungjawab sebagai kaunselor serta perbezaan fakta umum dan peribadi; (iii) membenarkan kaunselor dinilai oleh Lembaga Kaunselor dari masa ke semasa.

Peraturan yang diperuntukkan dalam melaksanakan perkhidmatan kaunselor dapat membantu kaunselor dalam amalan etika mereka dari masa ke semasa. Apabila kaunselor lebih mementingkan ketupuhan klien dalam perkhidmatan kaunseling, kaunselor dapat mengelak daripada mendatangkan kemudharatan kepada klien. Contohnya sebagai kaunselor berdaftar dan juga pelatih kaunseling yang sedang menyambung pelajaran di peringkat sarjana, kaunselor tersebut perlu memenuhi jam kredit praktikum. Ketika menjalankan praktikum di sekolah klien yang ada tidak mencukupi dan kaunselor tersebut memujuk pelajar yang dikenali untuk menjadi klien tanpa ada isu yang perlu diberi perhatian secara kaunseling. Tindakan kaunselor pelatih tersebut adalah salah dan melanggar Peraturan-Peraturan Kaunselor (Kelakuan dan Tata tertib) 1999. Ini kerana kaunselor pelatih tersebut boleh mendatangkan rasa tidak yakin klien terhadap perkhidmatan kaunseling yang dijalankan dan berkemungkinan akan menolak untuk menjadi klien pada masa akan datang dan memudaratkan klien pada waktu tersebut. Kaunselor perlu lebih peka dalam setiap tindakan mereka dan membuat pertimbangan dalam pelbagai sudut apabila melibatkan isu etika dalam amalan kaunseling.



Kesimpulan

Kaunselor adalah kerjaya yang profesional seperti kerjaya peguam, doktor, akauntan dan jurutera. Kaunselor bekerja dengan individu yang datang daripada pelbagai latar belakang demografi, budaya, agama, dan cara didikan. Kaunselor juga bukan individu yang sempurna yang tahu pelbagai perkara dalam kehidupan. Kaunselor juga mempunyai batas dan had tertentu dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling, Kaunselor merupakan individu yang normal yang perlu panduan dan peraturan tertentu dalam melaksanakan perkhidmatan mereka sebagai kaunselor yang profesional. Sepanjang menjalankan perkhidmatan sebagai kaunselor profesional, mereka perlu memastikan perkhidmatan yang dijalankan adalah beretika dan tidak menyalahi Kod Etika Kaunselor (Lembaga Kaunselor Malaysia) dan Akta Kaunselor 1998. Amalan etika yang baik dapat membantu kaunselor membuat pertimbangan etika dalam membuat keputusan berkaitan etika kaunseling.

Rujukan

- Clemente, M., Espinosa, P., & Urra, J. (2011). Ethical issues in psychologists' professional practice: Agreement over problematic professional behaviors among Spanish Psychologists. *Ethics & Behavior*, 21(1), 13-34.
- Gibson, W. T., & Pope, K. S. (1993). The ethics of counseling: A national survey of certified counselors. *Journal of Counseling & Development*, 71, 330-336.
- Gostin, L. O. (2002). *Tarasoff v. Regents of the University of California* 1976. 17 Cal. 3d 425; 551 P.2d 334; 131 Cal. Rptr. 14
- Leung, S. A., Leung, K. -M., & Chan, E. P. -O. (2003). Ethical counseling practice: A survey of counseling teachers in Hong Kong secondary schools. *Asian Journal of Counselling*, 10(1), 71-94.
- Neukrug, E., Milliken, T., & Walden, S. (2001). Ethical complaints made against credentialed counselor: An updated survey of State Licensing Boards. *Counselor Education & Supervision*, 41, 57- 70.
- Pope, K. S., Tabachnick, B. G., & Keith-Spiegel, P. (1987). Ethics of Practice: The beliefs and behaviors of psychologists as therapist: *American Psychologist*, 42, 993-1006.
- Zhao, J.-B., Ji, J. -L., Yang, X. -L., Yang, Z. -Z., Hou, Y. -F., & Zhang, X. -Y. (2011). National survey of ethical practices among Chinese psychotherapists. *Professional Psychology: Research and Practice*, 42(5), 375-381.

